

AMALAN PENGURUSAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN  
SEKOLAH (PBS) DI SEKOLAH RENDAH GUGUSAN ADELA, KOTA TINGGI,  
JOHOR

NORHISAM BIN MOHD NORDIN

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2013

## **DEDIKASI**

*Istimewa buat*

*Isteri tercinta Fahariza binti Mahadi*

*Terima kasih di atas segala dorongan dan pengorbananmu*

*Untuk anakanda tersayang*

*Nabil Fathi bin Norhisam dan Nawal Farwizah binti Norhisam*

*Tawa ceria kalian sentiasa menyuntik semangat dalam diri ini*

*Semoga anakanda meneruskan perjuangan ini.*

*Istimewa juga untuk ayahanda tercinta*

*Hj Mohd Nordin bin Muzni*

*Dan bonda tercinta*

*Hjh Lamah bin Wagio*

*Serta*

*Ayahanda mertua Hj Mahadi bin Atan*

*Dan bonda mertua Hjh Aisah binti Hj Samsi*

*Dorongan dan semangat yang kalian berikan*

*Tidak akan pernah dilupakan dan*

*Akan ku kenang hingga ke akhir hayat.*

*Semoga pengorbanan kalian mendapat keredhaan Allah S. W. T.*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur kehadiran ilahi, dengan rahmat dan izinnya saya berjaya menyempurnakan projek penyelidikan ini. Sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Yusof bin Boon yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang tempoh penulisan kajian ini.

Penghargaan juga kepada rakan-rakan seperjuangan Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran) sesi 2011/2013 yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek penyelidikan ini. Terima kasih diucapkan kepada guru-guru di Gugusan Adela dari SK LKTP Adela, SK LKTP Sening dan SK Kledang yang banyak memberikan kerja sama dalam menjawab soal selidik yang di berikan.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada Dr. Lokman Mohd Tahir, PM Dr. Abdul Rahim bin Hamdan, Prof. Madya Dr. Hamdan bin Said, Dr. M. Al-Muz-Zammil bin Yasin, Prof. Madya Dr. Mohd Anuar bin Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Zaleha binti Ismail, Prof Dr. Mohamed Najib bin Abd. Ghaffar dan Dr. Khadijah binti Daud serta pensyarah-pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia di atas keikhlasan mencurahkan ilmu sepanjang proses pengajian. Semoga usaha murni kalian mendapat keredhaan Allah S.W.T.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk meninjau Amalan Pengurusan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah Kebangsaan Gugusan Adela, Kota Tinggi Johor. Tujuan kajian untuk mengenal pasti pendapat, tahap pengetahuan, amalan dan masalah guru dalam melaksanakan PBS dan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, amalan dan masalah dalam pelaksanaan PBS mengikut jantina. Turut dikaji juga hubungan antara pengetahuan dan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dalam merancang, merangka dan memeta hala tuju Dasar Pentaksiran Negara (SPPK). Responden kajian sebanyak 58 orang yang terdiri daripada guru-guru matapelajaran yang mengajar darjah 1,2 dan 3. Data kajian yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS 16.0 for windows*. Kaedah statistik deskriptif, Ujian-t dan Korelasi Pearson dipilih dalam menganalisis data kajian. Instrumen soal selidik dengan nilai Cronbach's Alpha 0.917 digunakan untuk mengumpul data kajian. Dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan dan amalan guru berada di tahap yang tinggi, manakala pendapat dan masalah guru di peringkat yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dengan guru perempuan dari segi tahap pengetahuan dan amalan PBS tetapi terdapat perbezaan dari segi tahap masalah guru terhadap pelaksanaan PBS. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS. Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa aspek permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan PBS yang perlu diatasi supaya pelaksanaan PBS memenuhi hasrat yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

## **ABSTRACT**

This study is carried out to observe the practice of management of school based assessment in SK. Gugusan Adela, Kota Tinggi, Johor. The purposes of this study are to find out the opinions, knowledge, practice and the teachers' problems in conducting the school based assessment. It is also purposely to compare the levels of knowledge and practice in school as well as the problems accrued which are based on gender. In addition, this study was also conducted to identify the relationship between the knowledge and teachers' practice in conducting the school based assessment. Moreover, the findings from this study can be used by Malaysian Examination Board and other parties that are directly involved in planning and directing the path of National Assessment Base. This study involved 58 respondents consists of teachers who are teaching year 1, 2 and 3. The data is collected via questionnaire and is analyzed using the SPSS 16.0 for Windows. Descriptive statistics, T-test and Pearson Correlation are used to analyze the data. The items with 0.917 Cronbach Alpha value are used to collect the responses from the respondents. The findings show that the knowledge and practice among the teachers are high. It also show the matters regarding school based assessment is at the medium level. The findings indicated that there is no significant difference between the gender in their knowledge and practice but there are some differences regarding the problems in conducting the school based assessment. It also shows that there is a significant relationship between the knowledge and the practice of the assessment. This study also has identified a few problems faced by the teachers in conducting the school-based assessment that need to be solved by the authorities in order to fulfill the requirement by the Malaysian Examination Board.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis	10
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Kerangka Kajian	11
	1.9 Skop dan Batasan Kajian	12

1.10	Definisi Istilah dan Operasional	13
1.10.1	Pengurusan	13
1.10.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	15
1.11	Kesimpulan	18

## **2 SOROTAN PENULISAN**

2.1	Pengenalan	19
2.2	Teori Pengurusan Sainifik	20
2.3	Fungsi Pengurusan	21
2.3.1	Perancangan	23
2.3.2	Pengorganisasian	23
2.3.3	Pengarahan	24
2.3.4	Pengawalan	25
2.4	Pengurusan PBS	26
2.4.1	Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah	26
2.4.2	Peraturan Am Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	27
2.4.3	Dokumen Rujukan	30
2.4.4	Struktur Dan Organisasi PBS di peringkat Sekolah Rendah	30
2.5	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa PBS	31
2.5.1	Peringkat Sekolah	31
2.5.1.1	Sebelum Pentaksiran	31
2.5.1.2	Semasa Pentaksiran	31
2.5.1.3	Selepas Pentaksiran	31
2.5.2	Setiausaha Peperiksaan	32
2.5.3	Penyelaras PBS	33
2.5.4	Pentaksiran Sekolah (Guru)	34
2.6	Masalah Guru Dalam Pelaksanaan PBS	34
2.7	Kajian Lepas	36

2.7.1	Kajian Dalam Negara	37
2.7.2	Kajian Luar Negara	39
2.8	Kesimpulan	40

### **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	42
3.5	Instrumen Kajian	43
3.5.1	Taburan Item-item Soal Selidik	44
3.5.2	Penentuan Tahap Persoalan Kajian	45
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	45
3.7	Analisis Data	47
3.7.1	Min	47
3.7.2	Ujian-t	48
3.7.3	Ujian Korelasi Pearson	48
3.8	Kajian Rintis	49
3.9	Kesimpulan	50

### **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	51
4.2	Demografi Responden	51
4.3	Analisis Dapatan Kajian	53
4.3.1	Dapatan Persoalan Kajian 1	53
4.3.2	Dapatan Persoalan Kajian 2	55
4.3.3	Dapatan Persoalan Kajian 3	56
4.3.4	Dapatan Persoalan Kajian 4	57
4.3.5	Dapatan Persoalan Kajian 5	59
4.3.6	Dapatan Persoalan Kajian 6	59



4.3.7	Dapatan Persoalan Kajian 7	60
4.3.8	Dapatan Persoalan Kajian 8	60
4.4	Kesimpulan	61

## **5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	63
5.2	Rumusan Kajian	63
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	65
5.3.1	Pendapat, tahap pengetahuan, tahap amalan dan masalah guru dalam pelaksanaan PBS	65
5.3.1.1	Pendapat guru terhadap pelaksanaan PBS	65
5.3.1.2	Tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBS	69
5.3.1.3	Tahap amalan guru terhadap pelaksanaan PBS	71
5.3.1.4	Tahap masalah guru terhadap pelaksanaan PBS	73
5.3.2	Perbezaan pengetahuan, amalan dan masalah guru dalam melaksanakan PBS antara guru lelaki dan guru perempuan	75
5.3.3	Hubungan antara pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS	78
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	79
5.5	Cadangan Tindakan	80
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	81
5.7	Kesimpulan	82

<b>RUJUKAN</b>	83
<b>LAMPIRAN</b>	86

## SENARAI JADUAL

<b>NO.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>JADUAL</b>		
3.1	Skala Likert 5 Mata	45
3.2	Taburan Item Mengikut Konstruk	45
3.3	Julat Skor Min Dan Tahap Yang Ditetapkan	45
3.4	Pemeringkatan Kedudukan Item Berdasarkan Nilai Alpha Cronbach	47
3.5	Nilai Skor Min Keseluruhan	48
3.6	Garis Panduan Guilford	49
4.1	Demografi Guru	52
4.2	Analisis Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	54
4.3	Analisis Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	55
4.4	Analisis Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	57
4.5	Analisis Masalah Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	58
4.6	Ujian-t Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina	59
4.7	Ujian-t Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina	60
4.8	Ujian-t Masalah Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina	60
4.9	Analisis Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	61

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Kerangka Kajian	12

**SENARAI SINGKATAN**

BMI	-	<i>Body Mass Index</i>
DSP	-	Dokumen Standard Prestasi
JK	-	Jawatankuasa
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MBMMBI	-	Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Mengukuhkan Bahasa Inggeris
NKRA	-	Bidang Keberhasilan Negara
OKU	-	Orang Kurang Upaya
PAJSK	-	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBP	-	Pentaksiran Berasaskan Pusat
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PP	-	Pentaksiran Pusat
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPP	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PS	-	Pentaksiran Sekolah
PPsi	-	Pentaksiran Psikometrik

SPPBS	-	Sistem Pengurusan dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SABK	-	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAMN	-	Sekolah Menengah Agama Negeri
SEGAK	-	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan
SMAR	-	Sekolah Menengah Agama Rakyat
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Set Soal Selidik	86
B	Dapatan Kajian Rintis	92
C	Analisis Dapatan Kajian	94
D	Surat Kebenaran PPD	118
E	Surat Pengesahan Status	119
F	Surat Kebenaran EPRD	120

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ialah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Manakala matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia pula adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai moral dan sikap positif serta membina disiplin diri dalam kalangan pelajar.

Pembangunan modal insan adalah bertujuan untuk memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai bidang pekerjaan. Demi tujuan tersebut KPM telah melancarkan PIPP 2006-2010 yang menggariskan enam teras strategik bagi melahirkan modal insan yang cemerlang, produktif dan kreatif ke arah membantu misi nasional menjadikan Malaysia sebuah Negara maju. Enam teras tersebut adalah membina Negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasa sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.



Menurut Morphet *et.al*, (1982) matlamat sesebuah organisasi itu bukan untuk mengadakan keadaan yang mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran, akan tetapi mengadakan keadaan yang dapat mempertingkatkan organisasi bagi mencapai matlamat. Dalam organisasi sekolah, ada beberapa buah unit sosial kecil yang saling berhubung antara satu sama lain. Setiap unit memberi sumbangan dan mempengaruhi pencapaian matlamat keseluruhan organisasi sekolah. Pengurusan yang baik merupakan nadi yang menghidupkan dan menggerakkan organisasi itu. Ini dapat dibentuk sekiranya setiap individu yang terlibat di dalamnya dapat memahami ruang lingkup tugas masing-masing. Antara lain tugas pengurus sesebuah sekolah itu termasuklah menyusun atau merangka kegiatan yang memperlihatkan perancangan, kepimpinan dan usaha-usaha perubahan yang berlaku dalam mengesan, menyusun dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah.

Walaupun sekolah berada di peringkat terbawah dalam hirarki pengurusan pendidikan, namun kesan pengurusan pada peringkat ini sangat menyeluruh dan berkekalan (Esah, 2002). Pengurusan pendidikan sekolah yang disokong dengan struktur pentadbiran yang lengkap dan mempunyai fungsi-fungsi tertentu di mana setiap fungsi-fungsi tersebut saling melengkapi antara satu sama lain. Sudah pastinya akan membawa sistem pendidikan untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan( Ahmad Kilani, 2003)

Stoner (1984) telah menggariskan empat aktiviti utama dalam bidang pengurusan yang melibatkan aktiviti perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Proses tersebut perlu dikembang dan diintegrasikan bagi membentuk dan mewujudkan pengurusan yang berkesan di sekolah.

Dalam konteks pendidikan Malaysia, Kurikulum merupakan satu rancangan yang meliputi ilmu pengetahuan serta kemahiran dan juga meliputi unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat. Sekolah perlu dilihat sebagai intitusi yang tidak hanya berperanan menyediakan murid untuk peperiksaan awam semata-mata tetapi lebih berperanan untuk mendidik dan membimbing murid menguasai ilmu dan kemahiran. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sebagai usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikan murid dibekalkan

dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke-21. Pelaksanaan KSSR menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) bermula sesi persekolahan Januari lalu bertujuan meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris.

KSSR digubal dalam pernyataan standard terdiri daripada standard kandungan dan pembelajaran yang perlu dicapai murid dalam satu tahap persekolahan. Standard kandungan ialah pernyataan spesifik mengenai perkara murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai, manakala Standard Pembelajaran ialah penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS dirancang, ditadbir, diskor, direkod dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran. Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, dan Pentaksiran Psikometrik. Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah seperti kerja rumah, projek, kuiz, soal-jawab dan lain-lain. PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksanakan dengan memperkenalkan pentaksiran merujuk standard dan didokumentasi.

Dalam dunia yang serba moden ini, aspek pengurusan adalah satu perkara yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia. Pengurusan merupakan satu proses sosial selaras dengan perkembangan manusia dan komuniti di sekelilingnya. Pengurusan dikaitkan dari pengurusan sebuah keluarga, komuniti atau organisasi hinggalah kepada pengurusan sebuah negara.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah membawa maksud kemampuan dan kecekapan guru merancang, mengurus dan melaksanakan matlamat. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sekolah rendah mulai tahun 2011 dan peringkat menengah rendah mulai tahun 2012 berdasarkan:

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997, Bahagian II, Perkara 3 yang menggariskan fungsi Lembaga Peperiksaan adalah:

- i. Perkara 3 (a): untuk memberi nasihat, memantau dan membuat analisis tentang penilaian berasaskan sekolah;
- ii. Perkara 3 (b): untuk mengendalikan semua peperiksaan mengikut peraturan-peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan; dan
- iii. Perkara 3 (c): untuk mengadakan peperiksaan, untuk mengendalikan pemantauan peperiksaan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan.

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya penambahbaikan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dilaksanakan dengan memberikan penekanan kepada pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*).

Selaras dengan arahan itu, Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan:

- i. Pindaan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 1 Tahun 2011: Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan Bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah Mulai Tahun 2011 - KP.LP.003.07.14 (3) bertarikh 22 Februari 2011.

- ii. Pindaan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 2 Tahun 2011: Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan Bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) Mulai Tahun 2012 - KP.LP.003.07.14 (2) bertarikh 14 Februari 2011.
- iii. Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011: Pemakluman Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Rendah - KP.LP.003.07.14.05 (1) bertarikh 29 Julai 2011.
- iv. Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 6 Tahun 2011: Penggunaan Buku Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Rendah -KP.LP.003.07.14.05 (3) Bertarikh 15 September 2011.

Pengurusan organisasi PBS yang sistematik mampu melonjakkan keberkesanan dan keesahan penilaian terhadap prestasi pelajar di sekolah bagi pembinaan modal insan yang bertaraf dunia. Oleh itu penyusunan struktur pengurusan perlu dirancang dengan baik. Namun menurut Hussein (1991) struktur dalam pengurusan pendidikan kini sedang berhadapan dengan beberapa masalah yang agak unik, khususnya dari segi kecenderungan nilai pihak pemimpin. Menurut Wan Mohd Zahid (1994) pengurusan yang baik, cekap dan berkesan mencerminkan kualiti kepimpinan dan sebaliknya.

Pengurusan sering dikaitkan dengan pentadbiran dan apabila memperkatakan tentang konsep pengurusan pasti merangkumi tiga elemen utama iaitu pengurus, organisasi dan tatacara atau garis panduan pengurusan. Ketiga-tiga elemen ini bergantung antara satu sama lain dan mempunyai hubungkait yang seimbang. Pengurusan dikendalikan oleh pengurus yang adakalanya bertindak sebagai '*master-mind*' dan pada satu keadaan yang lain pengurus juga bertindak sebagai pelaksana.

Sebagai '*master-mind*', pengurus bertindak memimpin kelompok subordinat yang bertindak menterjemah segala visi, misi dan objektif dalam bentuk pelaksanaan yang akan dijalankan mengikut jadual perancangan yang digariskan. Usaha untuk mengarah dan memantau perkembangan proses pelaksanaan dikendalikan oleh pengurus dengan

pendekatan yang subjektif berdasarkan gaya kepemimpinan dan kemampuan memanipulasikan kebolehan berkomunikasi yang unik dan tersendiri.

Sebagai pelaksana pula, pengurus bertindak membimbing dan pada masa yang sama bergerak seiring bersama subordinat untuk melaksanakan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan. Sama ada sebagai '*master-mind*' mahupun pelaksana pengurus harus bertindak berdasarkan tatacara dan garis panduan yang ditetapkan. Garis panduan atau tatacara berkenaan sama ada berasaskan contoh dan garis panduan dari organisasi lain, mahupun idea pengurus itu sendiri, ataupun ia digubal dengan persetujuan kolektif antara pengurus dan subordinat.

Pengurus biasanya mempunyai kuasa bagi membolehkannya melaksanakan tanggungjawabnya mengemudi organisasi di samping menjalankan fungsinya mengetuai subordinatnya. Kuasa diperolehi samada sumber perundangan sepertimana yang ditetapkan oleh perlembagaan yang digubal semasa organisasi ditubuhkan atau kuasa diberikan dengan persetujuan kolektif semua ahli dalam organisasi tersebut. Kuasa yang ada pada pengurus secara idealnya dibayangi oleh etika yang sekiranya dikendalikan dengan baik dan menghormati '*the spirit of ethic*' akan menjadikan pengurus dilihat mengemudi organisasinya dengan adil, penuh hormat dan berwibawa.

Persoalannya sejauh manakah persepsi guru dalam melaksanakan PBS dalam aspek pengurusan di sekolah. Se jauh manakah tahap pengetahuan dan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS di sekolah serta sejauh manakah tahap masalah guru dalam melaksanakan PBS. Tegasnya pengurusan yang berkesan amat mustahak dalam mencapai matlamat dan objektif organisasi. Dalam hal ini kejayaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah amat bergantung kepada kerjasama dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak. Kerjasama dan komitmen ini amat diperlukan bagi mempertingkatkan tahap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah demi menjaga integriti negara di mata dunia. Diharapkan budaya kerja ini berterusan demi merealisasikan falsafah pendidikan negara.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) oleh murid tahun satu 2011 diyakini dapat melahirkan modal insan yang holistik serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ketika ini, sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan dan terlalu mengiktiraf pencapaian akademik menyebabkan penglibatan pelajar kurang dalam kokurikulum serta memberi tekanan kepada guru, ibu bapa dan pelajar berkenaan.

Tekanan ke atas guru-guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran menyebabkan fokus kepada produk akhir dan bukannya proses pembelajaran. Tambahan pula, di sesetengah negara maju, sistem pentaksirannya telah banyak berubah dan ada yang langsung tidak mempunyai peperiksaan awam sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah.

Justeru mulai 2016, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan dibuat berdasarkan nisbah 60:40 iaitu 60 peratus Pentaksiran Berasaskan Pusat (PBP) dan 40 peratus PBS. Manakala peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula bermula pada 2014. PBS di peringkat UPSR sama seperti yang diamalkan sekarang akan dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) yang melibatkan mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Dalam PBS pula terdapat empat komponen iaitu Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Psikometrik dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Pentaksiran Pusat dan Pentaksiran Sekolah bersifat akademik manakala Pentaksiran Psikometrik dan PASJK pula bersifat bukan akademik.

Pengalaman di negara maju membuktikan bahawa kebanyakan pentadbiran hanya mengakui kepentingan pengurusan rekod dan maklumat ini setelah bencana melanda. Namun rekod dan maklumat masih tetap diurus oleh pengurus rekod dan maklumat ikhtisas (profesional) tetapi atas inisiatif yang tidak mendapat sokongan padu daripada pengurusan tertinggi organisasi induk.

Terkini Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan sistem pengurusan rekod dan maklumat selaras dengan inisiatif kerajaan untuk mewujudkan e-kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA). Oleh yang demikian, isu yang cuba diselesaikan dalam kajian ini ialah mengenalpasti status pengurusan pelaksanaan dasar dan juga penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan rekod dan maklumat SPPBS. Untuk memastikan keberkesanan pengurusan satu sistem telah diperkenalkan oleh KPM iaitu Sistem Pengurusan dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) lebih dikenali dengan SPPBS merupakan sistem pentaksiran yang dibuat LPM Lembaga Peperiksaan bagi memudahkan kemaskini serta memasukkan data prestasi murid berdasarkan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah ( KSSR ). Sistem ini dibangunkan secara online boleh dicapai di mana sahaja lokasi mempunyai talian internet. Sistem SPPBS ini adalah sistem berpusat bagi memudahkan urusan pentaksiran pelajar dan kemaskini serta memasukkan data prestasi pelajar yang mana ia boleh diakses secara *online* dan lebih sistematik. Apa sahaja berkenaan peperiksaan serta pentaksiran peperiksaan boleh terus dicapai oleh setiausaha peperiksaan, guru matapelajaran, JPN, PPD termasuk hal-hal berkaitan pendaftaran matapelajaran serta prestasi murid tersebut boleh disemak melalui SPPBS.

Pengurusan dokumen yang sistematik, cekap dan mengikuti piawaian adalah penting untuk menjamin keselamatan dokumen, dokumen sentiasa bersedia pada bila-bila masa diperlukan, mengelakkan pertindihan kerja dan membuang masa, mengelakkan dari menyimpan duplikasi rekod dan maklumat, menjimatkan ruang kerana tidak menyimpan rekod dan maklumat yang tidak perlu dan sebagainya. Penggunaan teknologi dapat meminimumkan masalah pengurusan rekod seperti yang dihadapi jika beroperasi secara manual. Dalam konteks penggunaan sistem SPPBS di semua sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia sebenarnya mengalami masalah dalam pengurusan rekod dan maklumat secara berterusan. Tinjauan awal di sekolah berdekatan membuktikan bahawa pengguna sistem SPPBS ini tidak mempunyai kemahiran dan kurang mengetahui tentang keperluan pengurusan dokumen yang cekap dan sistematik. Ditambah lagi dengan kelemahan sistem *server* yang melambatkan proses pemindahan data.

Pengurusan PBS adalah amat penting bagi memantapkan pelaksanaan dan keberkesanan bagi sesebuah sekolah. Berdasarkan pernyataan di atas, maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kecekapan serta keberkesanan pengurusan pelaksanaan PBS di sekolah rendah berdasarkan manual panduan pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi melihat tahap amalan pengurusan PBS seperti berikut ;

- i. Menenal pasti pendapat guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- ii. Menenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- iii. Menenal pasti tahap amalan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- iv. Menenal pasti tahap masalah guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- v. Menenal pasti samada terdapat perbezaan pengetahuan, amalan dan masalah tugas guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mengikut jantina.
- vi. Menenal pasti samada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).



## 1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap pendapat guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?
- ii. Apakah tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?
- iii. Apakah tahap amalan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?
- iv. Apakah tahap masalah guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?
- v. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan, amalan dan masalah guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mengikut jantina?
- vi. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?

## 1.6 Hipotesis

Di dalam kajian ini terdapat dua hipotesis yang boleh dianalisis iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan aspek pengetahuan, pengamalan dan masalah tugas guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mengikut jantina.
- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

## **1.7 Kepentingan Kajian**


Pengurusan PBS di sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan prestasi akademik murid. Oleh itu , guru-guru matapelajaran yang terlibat dengan PBS sewajarnya melaksanakan pengurusan yang terbaik bagi memenuhi keperluan organisasi sekolah.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan tahap amalan pengurusan guru dalam pelaksanaan PBS. Sejauh manakah guru berjaya mengamalkan fungsi pengurusan dalam organisasi. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah statistik untuk melihat tahap pengurusan dan mencadangkan cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak sekolah, ketua panitia dan guru-guru dalam mengenal pasti tahap amalan pengurusan PBS yang telah dilaksanakan di peringkat sekolah. Ianya juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah, ketua panitia dan guru-guru dalam meningkatkan dan menambahbaik fungsi amalan pengurusan PBS.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu dan memberi manfaat kepada pihak JPN dan PPD dalam merangka program atau kursus bagi menambah baik sistem pengurusan PBS seterusnya dapat memantapkan amalan pengurusan PBS sekolah. Usaha yang berterusan dalam memberikan ilmu pengurusan kepada guru-guru pastinya akan dapat meningkatkan tahap pengurusan organisasi disemua peringkat. Apabila amalan pengurusan meningkat dan organisasi diurus dengan baik dan sistematik nescaya akan melonjakkan lagi tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar.

## **1.8 Kerangka Kajian**

Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru matapelajaran yang mengajar dari tahun 1-3 daripada sekolah-sekolah dari gugusan Adela.



**Rajah 1.1 Kerangka kajian**

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka kajian yang akan dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pendapat, pengetahuan, amalan, dan masalah guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Selain itu adakah terdapatnya hubungan antara pengetahuan dengan amalan guru dalam melaksanakan PBS. Turut dikaji juga adakah wujud perbezaan tahap pengetahuan, amalan dan masalah guru dalam melaksanakan PBS mengikut jantina.

### 1.9 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada penilaian guru-guru matapelajaran yang terlibat dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) terhadap pendapat, pengetahuan, amalan dan masalah guru terhadap pelaksanaan pengurusan PBS. Fokus kajian adalah dari aspek fungsi pengurusan PBS. Turut dikaji adakah wujud atau tidaknya perbezaan pengetahuan, amalan dan tahap masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah mengikut jantina. Turut dikaji adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS. Dapatan kajian ini terbatas kepada sekolah rendah di Gugusan Adela Kota Tinggi. Responden yang terlibat hanya daripada kalangan guru yang menjalankan PBS. Bagi tempoh sehingga tahun 2013, hanya guru-guru matapelajaran yang mengajar tahun 1 hingga tahun 3 sahaja.

## 1.10 Definisi Istilah dan Operasional

Berikut adalah penjelasan mengenai pengertian setiap istilah berdasarkan tajuk penulisan. Pengertian ini dinyatakan berdasarkan rujukan yang sah.

### 1.10.1 Pengurusan

Pengurusan ialah suatu proses untuk merancang, mengorganisasi, mengarah dan mengawal daya usaha anggota organisasi serta menggunakan sumber lain dalam organisasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan (Stoner, 1985). Menurut Ahmad Antory (1991) pula, menyatakan bahawa pengurusan adalah merujuk kepada set yang direka bentuk untuk meninggikan dan mengarah kerja-kerja atau tugas yang segera dilakukan. Bagi Wan Azmi (1981) pengurusan membawa maksud sebagai satu aktiviti perancangan dan pengarahan atau panduan oleh sesuatu perusahaan atau organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya juga tanggungjawab dan tugas kakitangannya.

Secara umumnya pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu seni bagi melaksanakan proses kerja yang terancang melalui dan dilaksanakan secara bersistematik, teratur dan mempunyai garis panduan tertentu.

Kata kerja mengurus (*management*) berasal dari bahasa Itali '*maneggiare*' iaitu 'menangani' dan kata nama ini diterbitkan daripada perkataan Latin – '*manus*' (*tangan*). Perkataan bahasa Perancis '*mesnagement*' telah banyak mempengaruhi perkembangan maksud perkataan Bahasa Inggeris '*management*' pada abad-abad ke 17 dan 18.

Merujuk kepada Ensiklopedia Bebas Wikipedia, 'pengurusan terdiri daripada pengarahan dan pengawalan sebuah kumpulan yang terdiri daripada satu atau lebih orang atau entiti untuk tujuan menyelaraskan dan mengharmonikan kumpulan tersebut untuk

mencapai sesuatu matlamat. Ia seringnya merangkumi sumber – sumber manusia, kewangan, teknologi serta juga sumber semula jadi. Pengurusan juga boleh merujuk kepada seorang atau sekumpulan orang yang menjalankan fungsi pengurusan’.

Mary Parker Follet (1868 -1933) menyatakan bahawa pengurusan ‘adalah sebagai seni untuk mencapai sesuatu melalui orang lain’. Free-Content Encyclopedia Wikipedia menyatakan pengurusan boleh ditakrifkan berdasarkan fungsinya sebagai ‘tindakan untuk mengukur sesuatu kuantiti pada tempoh-tempoh yang tetap dan berdasarkan kepentingan, mengubahsuai rancangan asal ataupun tindakan untuk mencapai maklumat yang dirancang’.

James A.F Stoner & Charles Wienkel menyatakan bahawa ‘pengurusan adalah proses merancang, mengorganisasi , memimpin dan mengawal daya usaha anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain dalam organisasi bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan’.

Menurut Certo (1997), pengurusan boleh didefinisikan sebagai proses mencapai matlamat organisasi melalui cara bekerja dengan manusia dan sumber organisasi lain. Ivancevich *et. al.* (1997), pula mendefinisikan pengurusan sebagai proses yang dijalankan oleh seorang individu atau lebih untuk menyelaraskan aktiviti kerja orang lain, modal, bahan mentah dan teknologi bagi mencapai hasil berkualiti tinggi yang tidak mampu dicap oleh seseorang yang bertindak secara bersendirian.

Ang Huat Bin (2005) menyatakan bahawa pengurusan merupakan satu proses yang melibatkan beberapa fungsi dan aktiviti kerja yang mesti diikuti dan disempurnakan oleh pengurus bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Oleh sebab pengurusan dianggap sebagai satu proses, pengurus perlu menggunakan prinsip pengurusan sebagai panduan dalam menjalankan proses ini. Pengurusan melibatkan individu yang memimpin, mengarah, memberi tunjuk ajar dan mengurus organisasi. Dengan kata lain, pengurusan merujuk kepada pengurus yang terlibat dalam proses pengurusan dan mempunyai tanggungjawab utama bagi memastikan segala aktiviti organisasi berjalan seperti yang telah dirancang. Pengurusan memberi penekanan terhadap kebajikan

kakitangan yang bekerja di bawah pengurus dan mereka perlu diurus dengan baik dalam usaha mencapai matlamat organisasi. Ini bermakna, manusia merupakan sumber penting yang mampu menggerakkan kejayaan dan menjana kecekapan serta keberkesanan organisasi agar matlamat dapat dicapai sejajar dengan misi organisasi.

Menurut Institut Pengurusan Malaysia, pengurusan didefinisikan sebagai proses menyelesaikan sesuatu tugas melalui dan bersama orang lain. Tugas tersebut akan dilakukan oleh seseorang individu dengan mengarah sumber-sumber fizikal dan manusia kepada unit-unit organisasi yang dinamik bagi mencapai matlamat organisasi di samping menimbulkan kepuasan dan semangat moral yang tinggi di kalangan pihak yang berkhidmat untuk organisasi.

Wan Azmi Ramli (1981) merumuskan pengurusan adalah aktiviti perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sesuatu perusahaan atau organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya, juga tanggungjawab dan tugas-tugas kakitangannya itu.

Dalam kajian ini pengurusan adalah merupakan satu proses yang melibatkan beberapa fungsi dan aktiviti perancangan dan pergerakan mengikut panduan yang ditetapkan yang mana ianya mesti diikuti dan disempurnakan oleh pengurus dan ahli organisasi bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi.

### **1.10.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Pentaksiran dalam pendidikan di Malaysia ialah proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan individu serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam pembangunan dan pembentukan modal insan. PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS dirancang, ditadbir, diskor, direkod dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata

pelajaran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran. Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, dan Pentaksiran Psikometrik.

Pentaksiran Sekolah (PS) ialah proses mengumpul maklumat yang autentik dan boleh diharap oleh guru secara formatif dan sumatif. PS secara formatif adalah bertujuan untuk memperbaiki pembelajaran (*assessment for learning*) manakala PS secara sumatif adalah untuk menilai tentang sejauh mana murid telah menguasai apa yang dipelajari (*assessment of learning*).

Proses Pentaksiran Sekolah (PS) melibatkan aktiviti berikut:

- i. Mengumpul maklumat yang autentik dan boleh diharap (*dependable*) tentang prestasi murid secara berterusan (*ongoing*) berdasarkan pernyataan kriteria yang jelas dipanggil standard prestasi (*performance standard*) dan juga penggunaan pelbagai kaedah, alat, teknik dan konteks.
- ii. Mengelola, merekod, menterjemah, melapor dan membuat pertimbangan tentang prestasi murid oleh guru semasa dan sepanjang (*formatif*) dan di hujung (*sumatif*) proses pengajaran-pembelajaran berlangsung.
- iii. Menggunakan kepelbagaian maklumat.
- iv. Membuat penilaian dan melaporkan secara verbal atau bertulis tentang prestasi, potensi, pencapaian dan keperluan murid.

Bagi kedua-dua cara PS tersebut guru dan murid merujuk kepada satu set pernyataan standard prestasi yang jelas yang ditetapkan oleh sekolah berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. PS dilaksanakan menggunakan pelbagai kaedah, alat, teknik dan konteks. Pentaksiran ini adalah penilaian yang dilakukan di peringkat sekolah seperti kerja praktikal, tugas

bertulis, ujian, kajian dan lain-lain tugas yang melibatkan pelbagai mata pelajaran. Eviden PS dikumpulkan dalam portfolio.

Maklumat yang diperolehi daripada pentaksiran ini membolehkan guru membuat keputusan tentang sejauh mana murid telah belajar dan mencapai standard tertentu. Sebagai tambahan, semua murid perlu mempunyai kefahaman yang jelas tentang apa yang perlu dipelajari, dibuat, dan penting dalam peringkat tertentu dalam pembelajaran mereka. Pentaksiran dapat memberi sumbangan positif dalam meningkatkan pembelajaran apabila direkabentuk dengan teliti dengan mengambilkira aspek berikut:

- i. Kejelasan konstruk yang ditaksir.
- ii. Bentuk.
- iii. Kegunaan.
- iv. Aras kesukaran.
- v. Bagaimana cara mentaksir.
- vi. Kekerapan.
- vii. Masa.
- viii. Maklumbalas.

Pentaksiran yang berkesan membolehkan murid:

- i. Berusaha ke arah yang sejajar dengan kriteria yang telah diketahui dan difahami lebih awal;
- ii. Menganalisa pembelajaran dan mengetahui perkara yang perlu diperbaiki;
- iii. Mensintesis dan mengaplikasi pembelajaran selain daripada mengingat fakta;
- iv. Mempamerkan kekuatan dan menunjukkan penguasaan dan kepakaran;
- v. Belajar dengan kaedah tersendiri;
- vi. Reflektif dan melibatkan diri dalam pentaksiran sendiri dan rakan sebaya;
- vii. Berupaya melahirkan pandangan dan tafsiran dari sudut yang berbeza;
- viii. Bertanggungjawab terhadap pembelajaran;
- ix. Melalui proses pembelajaran yang berjaya; dan
- x. Berupaya bersaing di tahap yang lebih tinggi.



### **1.11 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. Komponen PBS terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua-dua kategori ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah. Pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru sekolah yang berkenaan.

## RUJUKAN

- Abdul Shukor Abdullah 1998. *Fokus Pengurusan Pendidikan* . Kuala Lumpur Kementerian Pendidikan Malaysia
- Ahmad Kilani Mohamed (2003). “ Pengurusan Pendidikan Disekolah.Huraian Menurut Perspektif Islam”. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.)
- Awang Had Salleh (1977). *Bumiputera dalam pendidikan sebuah tinjauan dari konsep pendemokrasian peluang pelajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahya et.al (2007).*Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional
- Azura Ab Rasid (2005). *Permasalahan Yang Dialami Dalam Pelaksanaan Pentaksiran On-line bagi kurikulum Bestari Di Sebuah Sekolah Menengah Di Kuala Lumpur Serta Pendekatan Awal Untuk Mengatasinya*. Laporan Kajian Pendidikan Ijazah Sarjana Muda, UTM, Skudai.
- Bhasah Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Chase, C. I. (1984). *Elementary Statistical Procedures* 3 rd ed. Toronto: Mc Graw-Hill.
- Ee Ah Meng (1994). *Perkembangan Dan Perlaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Gay, L. R. (1981). *Education Research*, 2nd Edition. London: A Bell & Howell Company.
- Ibrahim Mamat (1998). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepemimpinan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Jamil Adimin (2008). *Pengetua Dan Guru Besar Sebagai Pemimpin Pentaksiran Di Sekolah*. Ehwat Pendidikan. Bil 17/2008.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.1998. *Sistem Penilaian dan Peperiksaan*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Khodori et al. (2006). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah – Cara Australia*. Utusan Malaysia (Sisipan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia), 26 Oktober 2006.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2007). *Modul Penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Linn, R., and Gronland, N. E. (1995). *Measurement and Assessment in Teaching* (7th Ed.) Eaglewood Cliff, N.J: Merrill/Prentice Hall, 6 – 7
- Manual Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah* (2012) Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : UTM.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan pustaka.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morphet E.L John R.L & Reller T.L 1982. “Educational Organization and Administration Concept”. Englewood : Prentice Hall.
- Musaazi,J.C.S (1982). *The Theory and Practise Of Educational Administration*. London: Macmillan Publisher.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah* . Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Omardin Ashaari (1996). *Peranan, Tugas Dan Tanggungjawab Guru Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Rahimah,(1982). *Peraturan.dan Perundangan Disiplin Pelajar*. PTS Sd n Bhd.
- Research Methodology and Measurement : An International Hand Book. Oxford: Pergamon Press.
- Sulaiman Rashid (2003). *Pentaksiran Kerja Amali Sains Berdasarkan Sekolah: Satu Tinjauan Di Beberapa Sekolah Menengah Di Daerah Segamat*. Laporan Kajian Pendidikan Ijazah Sarjana, UTM, Skudai.
- Stoner, J A F (1984), “ The Function Of Executives”. Cambridge, Havard University Press.

- Universiti Teknologi Malaysia (2001). Panduan Menulis Tesis. Perpustakaan Sultanah Zanariah
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods In Education: An Introduction 7 th . Ed.* Boston: Allyn & Bacon.
- Wolf, R. M. (1988). Questionnaires dalam Keeves, J.P (Ed). Educational
- Yusof Boon & Fadzlon Hassan. *Journal of Education Management: Tahap Amalan Organisasi Di Sebuah Sekolah Menengah Di Daerah Kulaijaya*, volume 4 Dec 2011. Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusof Boon & Mohd Musa Shahrudin. *Journal of Education Management: Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor.*
- Zaidatun Tasir Dan Mohd Salleh Abu (2003). Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.